

1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
September
2009
2 jam



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di halaman 12
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya.
Jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
4. *Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran dan nama anda pada kertas jawapan di halaman 12*
5. *Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Disediakan Oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiyai Oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Bahagian A
[40 markah]

Soalan 1 hingga soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Orang yang tidak beragama dipanggil
- A Kafir
 - B Mulhid
 - C Murtad
 - D Musyrik

- 2
- Hanya Saidina Ali yang layak dilantik menjadi khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW

Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan Mazhab

- A Syiah
- B Khawarij
- C Muktazilah
- D Ahli Sunah waljamaah.

- 3
- Firman Allah SWT bermaksud,
Mereka mengaku beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat sedangkan sebenarnya mereka tidak beriman.

(Surah al Baqarah: ayat 8)

Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri

- A Murtad
- B Munafiq
- C Kufur Nikmat
- D Kufur Hakikat

- 4
- Hilang punca pendapatan
 - Kehidupannya akan terbiar
 - Berlaku pergaduhan

Pernyataan di atas merupakan sebab Islam melarang perbuatan

- A makan riba
- B menipu dan berbohong
- C makan harta anak yatim
- D mengumpat dan memfitnah

- 5 Husin Ali al Mazandarani adalah pengasas
- A Bahai
 - B Taslim
 - C Qadiani
 - D Khawarij

6

Isteri melakukan kekasaran dan kecurangan terhadap suami

Perbuatan di atas merujuk kepada

- A Lian
- B Zihar
- C Fasakh
- D Nusyuz

7

Amalan yang wajib dilakukan oleh orang yang mengerjakan haji jika tertinggal hajinya sah tetapi dikenakan dam

Pernyataan di atas ialah pengertian

- A Wajib haji
- B Rukun haji
- C Wajib Umrah
- D Rukun Umrah

8

- Satu perjanjian untuk bantu- membantu di kalangan pemegang polisi
- Bertujuan memberi keuntungan yang saksama di kalangan ahli

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Saham
- B Jual beli
- C Syarikat
- D Insurans


9. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai syarat sah sembelihan

- A menyembelih di siang hari
- B menggunakan alat yang tajam
- C menyebut nama Allah ketika menyembelih
- D menyembelih binatang berkaki empat sahaja

10. Manakah antara berikut sebab yang mengharuskan seseorang isteri menuntut fasakh
- A Suami dibuang kerja
 - B Suami kudung tangan
 - C Suami sering mendera isteri
 - D Suami dipenjara selama tiga bulan

11. Berikut yang manakah **bukan** hikmat khuluk
- A memberi penghormatan kepada isteri
 - B menyelamatkan akidah isteri dan anak-anak
 - C mengelakkan kemungkinan berlakunya nusyuz di pihak isteri
 - D mengelakkan sifat ego suami yang suka menyalahgunakan kuasa

12. Rajah di bawah merujuk kepada sewaan dalam Islam



P ialah

- A Ciri
 - B Rukun
 - C Hikmat
 - D Syarat sah
13. Susun langkah-langkah yang seharusnya diambil oleh suami terhadap isteri yang nusyuz
- I memisahkan tempat tidur
 - II memukul dengan tujuan mendidik
 - III memberi nasihat dengan penuh hikmah
- A I, II dan III
 - B II, III dan I
 - C II, I dan III
 - D III, I dan II
14. Institusi pendidikan yang dikhususkan untuk kanak-kanak pada zaman kerajaan Bani Umayyah ialah
- A Perpustakaan
 - B Sekolah
 - C Masjid
 - D Kuttab


15. Antara faktor kemerosotan-kerajaan Bani Abbasiyah ialah
- I penentangan rakyat terhadap pemerintah
 - II campur tangan negara luar dalam pemerintahan
 - III sikap pemerintah yang lalai menjalankan tugas dan tanggungjawab
 - IV segelintir pemerintah cuai melaksanakan sebahagian tuntutan Islam
- A I, II dan III.
 - B I, II, dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D II, III dan IV.
16. Kharaj pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah dikaitkan dengan cukai
- A tanah
 - B kepala
 - C pendapatan
 - D perdagangan
17. Berikut ialah usaha yang dilakukan oleh khalifah Umar bin Abdul Aziz semasa pemerintahannya **kecuali**
- A memecat pegawai yang kurang cekap
 - B menghapuskan cukai jizyah golongan mawali
 - C mengutamakan orang Arab daripada orang bukan Arab
 - D meminta hadis-hadis Rasulullah SAW ditulis dan dibukukan
18. Mesej *Islah* Syeikh Tahir Jalaludin ialah mengajak umat Islam
- I mengamalkan ajaran Islam berasaskan al-Quran dan al-Sunnah
 - II membangunkan negara secara berterusan
 - III menghasilkan banyak karya perubatan
 - IV menolak amalan taqlid buta
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. II dan IV
19. Kitab karya Imam Malik rahimahullah yang masyhur dan pernah dihafal oleh Imam al-Syafie rahimahullah ialah
- A Kitab al-Umm
 - B Kitab al-Faraid
 - C Kitab al-Muwattak
 - D Kitab al-Qanun fi al Tib
20. Kecekapan dan kekuatan Imam al-Ghazali rahimahullah membela Islam menyebabkan beliau digelar
- A Hujjatul Islam
 - B Mujaddid
 - C Mujtahid
 - D Fakih

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

- 21 Hukuman kepada orang yang mencuri ialah _____
- 22 Hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki adalah dilarang oleh Islam dinamakan _____

23



X dalam rajah di atas ialah _____

- 24 Beriktihad bahawa diri batin manusia ialah Allah SWT dan zahir manusia ialah nur Muhamad

Kenyataan di atas adalah antara ciri-ciri kesesatan ajaran _____

- 25 Ajaran Qadiani telah mengisytiharkan _____ sebagai tanah suci dan tempat menunaikan haji.
- 26 Anak angkat boleh mendapatkan harta melalui _____ dengan syarat tidak melebihi satu pertiga daripada harta keluarga angkatnya.
- 27 Institusi kehakiman yang membicarakan perkara mal dan jenayah yang melibatkan orang Islam ialah _____
- 28 Kelantangan Syeikh Tahir Jalaludin memperjuangkan idea Islah menyebabkan pihak Belanda telah menjatuhkan hukuman _____ ke atas beliau.
- 29 Hasil karya HAMKA yang terkenal dalam bidang agama ialah Tafsir _____

30


- Menutup kepala
- Memakai pakaian berjahit

Pernyataan di atas merujuk kepada larangan semasa _____ haji bagi jemaah lelaki.

31

Dam Tertib _____ dikenakan kepada jemaah yang mengerjakan haji Tamattuk.

32



T dalam rajah di atas merujuk kepada _____.

33

Sektor utama ekonomi kerajaan Abbasiyah ialah perindustrian, perdagangan dan _____.


34

Khalifah kerajaan Bani Umaiyah yang mendapat gelaran khulafa' al-Rasyidin kelima ialah _____.

35


Hukum mentaati pemimpin yang tidak menyuruh kepada maksiat adalah _____.

36



T dalam rajah di atas merujuk kepada _____

Soalan 37 dan 38 berdasarkan rajah di bawah



37. X dalam rajah di atas ialah _____

38. Y dalam rajah di atas ialah _____

39. Hukum memakai pakaian yang berlawanan jantina ialah _____

40. A telah kematian bapa

Anda sebagai rakan kepada A digalakkan memberi ucapan takziah dalam tempoh _____ hari.

Bahagian B
[60 markah]

Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1** , **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya:

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud Sihir [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat perbuatan sihir [4 markah]
- (b) Firman Allah SWT bermaksud:
"Wahai orang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah SWT dengan taubat yang bersungguh-sungguh (nasuha) ..."
(Surah al-Tahrim: ayat 8)
- (i) Jelaskan **dua** hikmat bagi orang yang bertaubat [4 markah]
- (c) Ahli Sunah waljamaah adalah salah satu mazhab dalam aliran akidah.
- (i) Nyatakan **dua** nama mazhab lain dalam akidah [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** langkah untuk memelihara akidah supaya tidak terpesong dari prinsip Ahli Sunah waljamaah [4 markah]
- (iii) Ajaran sesat ialah ajaran atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.
Jelaskan **dua** faktor ajaran sesat masih berlaku dalam masyarakat [4 markah]
- 2 (a) Sewaan merupakan salah satu bentuk muamalah dalam Islam untuk memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat.
- (i) Senaraikan **dua** jenis sewaan [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat sah sewaan [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmat sewaan selain daripada memupuk semangat perpaduan. [4 markah]
- (iv) En. Muliadi telah menyembelih seekor ayam tanpa membersihkan pisau yang terkena darah daripada sembelihan sebelumnya.
Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi di atas. [2 markah]

(b) Anak angkat bermaksud anak yang dipelihara oleh bukan ibu bapa kandungnya.

(i) Nyatakan **dua** peraturan pengambilan anak angkat

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** hikmat diharuskan mengambil anak angkat.

[4 markah]

(c)

Dalam satu majlis suami bersumpah di hadapan hakim dengan lafaz,
"Aku bersaksi dengan nama Allah SWT bahawa tuduhan zina terhadap isteriku adalah benar." sebanyak empat kali. Kali kelima suami bersumpah dengan lafaz,
"Sesungguhnya laknat Allah SWT akan menimpa diriku jika aku berdusta."

(i) Apakah nama ungkapan di atas

[2 markah]

(ii) Jelaskan implikasi lafaz tersebut terhadap suami isteri.

[2 markah]

3 (a) (i) Nyatakan contoh keberanian Saidina Ali bin Abi Talib karamallahu wajhah

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** polisi yang dilakukan oleh Saidina Ali bin Abi Talib karamallahu wajhah semasa menjadi khalifah.

[4 markah]

(b) Imam al-Ghazali rahimahullah merupakan seorang tokoh yang banyak memberi sumbangan kepada umat Islam.

(i) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang pendidikan

[4 markah]

(ii) Nyatakan **dua** bidang ilmu yang dikuasai oleh Imam al-Ghazali rahimahullah

[2 markah]

(c) Segelintir pelajar telah menjadikan taman rekreasi di sekolah sebagai tempat untuk berdua-duaan antara lelaki dan perempuan.

(i) Jelaskan **dua** usaha anda untuk membantu pihak sekolah membanteras gejala tersebut


[4 markah]

(ii) Jelaskan **dua** adab yang perlu dipatuhi sewaktu berada di tempat rekreasi.

[4 markah]

- 4 (a) Kerajaan Bani Abbasiyah telah mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi.
- (i) Jelaskan faktor perkembangan sains dan teknologi pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan penemuan sains dan teknologi pada zaman Abbasiyah. [4 markah]
- (b) HAMKA terkenal sebagai pelopor dakwah Islamiah di Nusantara.
- (i) Jelaskan **dua** keistimewaan HAMKA sebagai seorang pendakwah. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** negara yang pernah dilawati oleh beliau untuk menyampaikan dakwah [2 markah]

(c)



Memberi sedekah amalan terpuji dan digalakkan oleh Islam

- (i) Jelaskan **dua** usaha anda untuk mewujudkan budaya memberi sedekah di sekolah [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh sedekah menurut Islam. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
1223/2
Pendidikan
Islam
Kertas 2
September
2009
1 2/3 jam

1223/2



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 2

Satu jam empat puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan .*
3. **Soalan** *hendaklah dijawab pada kertas jawapan yang disediakan.*

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Jawab semua soalan

1. (a) Firman Allah SWT

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعْدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ تَجْعَلُ اللَّهُ الرَّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

سورة الأنعام : ١٢٥

Ayat di atas menerangkan tentang tanda-tanda orang yang mendapat hidayah dan orang yang tidak mendapat hidayah.

- (i) Jelaskan maksud hidayah. [2 markah]
- (ii) Nyatakan empat cara memperoleh hidayah. [4 markah]
- (iii) Terangkan kesan hidayah dalam kehidupan seseorang muslim. [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنْ اللَّهُ تَعَالَى طَبَّ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا . وَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ : يَا رَبُّ يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَعَدِي بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَهُ . (رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan hubungan makanan dan ibadah dalam kehidupan muslim.

- (i) Nyatakan empat ciri makanan yang baik. [4 markah]
- (ii) Jelaskan hubungan makanan dengan ibadah seseorang muslim [2 markah]
- (iii) Jelaskan pengajaran yang dapat diamalkan daripada hadis di atas. [2 markah]

- (c) Lengkapi potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya dikehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul dalam al-Quran.

A	B	C	D
وَفَصْلَةٌ	وَلَوْلَا دَيْكَ	الْمَصِيرِ	الْإِنْسَانِ

وَوَصَّيْنَا (i) بَوْلَادِيَه حَمَلْتَهُ أُمُّهُ وَهَنَّا عَلَى وَهْنٍ (ii) فِي عَامَيْنِ أَنْ أَشْكُرَ لِي

(سورة لقمن : ١٤)

(iii) إِلَى (iv)

[4 markah]

2. (a) Firman Allah SWT

وَإِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا
مَعْرُوفًا وَأَتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾
(سورة لقمن : ١٥)

Ayat di atas menyatakan bahawa anak-anak hendaklah taat kepada kedua ibu bapa selagi mereka tidak menyuruh melakukan perkara yang bertentangan dengan agama.

- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa bukan Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbuatan yang wajib dijauhi oleh anak ketika bersama ahli keluarga bukan Islam. [4 markah]
- (iii) Jelaskan sebab anak wajib menyampaikan ajaran Islam kepada ibu bapa yang bukan Islam. [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي
فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أُمْسَيْتَ فَلَا
تَنْتَظِرُ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرُ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ
لِمَوْتِكَ (رواه البخاري)

Potongan hadis di atas menjelaskan pesanan-pesanan Rasulullah SAW kepada umatnya sebagai persediaan menghadapi hari pembalasan.

- (i) Jelaskan maksud وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ [2 markah]
- (ii) Terangkan contoh perbuatan yang biasa dilakukan murid yang suka membuang masa. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran hadis di atas yang dapat dihayati dalam kehidupan. [4 markah]

(c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertib. Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ	(1)
وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ	(2)
وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ	(3)
الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ	(4)

(سورة المؤمنون : ٨-١١)

[4 markah]

3 (a) Firman Allah SWT

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ۝ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ۝ (سورة التوبة : ١٢٨-١٢٩)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW sangat mengambil berat terhadap umatnya.

- (i) Nyatakan **empat** tanda kasih sayang seorang muslim terhadap Rasulullah SAW [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** peranan tawakal dalam kehidupan seseorang muslim. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطِيَتْهُ وَلَكِنْ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيدَتْهُ (رواه البخاري)

Hadis di atas menegaskan bahawa Allah SWT mengasihi hamba-Nya yang mendekatkan diri kepada-Nya dengan melakukan amalan sunat di samping amalan fardu.

- (i) Nyatakan **dua** contoh amalan fardu. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan menyempurnakan ibadat fardu. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara mengerjakan solat dengan sempurna. [4 markah]
- (c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran.

Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertib.
Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ	(1)
هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ	(2)
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ	(3)
لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى	(4)

(سورة الحشر : ٢٤)

[4 markah]

4 (a) Firman Allah SWT

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ
 نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عِلْمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ
 هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ
 الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾
 (سورة الحشر: ٢١-٢٣)

Ayat di atas menjelaskan bahawa sekiranya diturunkan al-Quran ke atas gunung yang teguh, nescaya ia akan runtuh kerana takutkan Allah SWT.

- (i) Senaraikan **empat** nama al-Asma ul-Husna (nama-nama Allah SWT yang indah) dalam potongan ayat di atas. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** usaha anda menghayati al-Quran dalam kehidupan. [4 markah]
- (iii) Terangkan pengajaran yang dapat diamalkan daripada ayat di atas. [2 markah]

(b) Firman Allah SWT

Nyatakan **hukum tajwid** bagi **kalimah** yang bergaris dalam ayat di bawah.

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَن هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا
 (i) (ii) (iii) (iv)
 وَيُؤْتُونَ عَلَى أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَن يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾
 (v) (vi) (الحشر: ٩)

[6 markah]

(c) Tukarkan semula petikan berikut ke dalam **tulisan rumi** :

رعية واجب منطاعتى قميمقين سلاكي مريك تيدق ميپوره ملاكوكن فركارا معصية.
 جونتهن اقايبلا قميمقين ميمتا رعية سوفايا تيدق منيمبولكن ايسو ٢ فرقومن ، رعية
 هندقله ممتوهين .

[4 markah]

5. (a) Firman Allah SWT

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٦٠﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَرْوَاحِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ
(سورة المؤمنون: ٥٠-٦٠)

Ayat di atas menjelaskan supaya umat Islam sentiasa menjaga kehormatan diri.

- (i) Nyatakan **tiga** cara anda menjaga kehormatan diri. [6 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah tuntutan di atas. [4 markah]

- (b) Tulis semula **empat** potongan ayat yang mengandungi hukum mad selain daripada Mad Asli dalam petikan ayat al-Quran di bawah.
Anda tidak perlu menyatakan hukum tajwidnya.

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّنَا بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰ أَجَلٌ مُّسَمًّى ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦١﴾ وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ ۗ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمْ الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفْرِطُونَ ﴿٦٢﴾

(سورة الأعمام: ٦٠-٦١) [4 markah]

- (c) Tukarkan pernyataan ayat di bawah ke dalam **tulisan jawi** :

- (i) Sentiasa memelihara maruah diri, keluarga dan agama.
- (ii) Umat Islam dituntut meningkatkan semangat jihad
- (iii) Komunikasi yang baik meringankan emosi pesakit [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT